

Prospek industri insurans cerah

KUALA LUMPUR - Tinjauan industri insurans untuk separuh kedua tahun ini amat memberangsangkan, menurut Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM).

"Dari segi sejarah, separuh kedua tahun ini menyumbang secara purata ia itu di antara 55 sehingga 60 peratus daripada perniagaan tahun sepenuhnya.

"Kami menyasarkan industri akan berkembang lebih daripada 20 peratus tahun ini," kata Presiden LIAM, Md. Adnan Md. Zain dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Md. Adnan menjelaskan, untuk separuh pertama tahun ini, jualan perniagaan baru mengembang sebanyak 24 peratus berdasarkan

premium berwajaran.

Pertumbuhan itu disumbangkan oleh prestasi kukuh dalam jualan premium tunggal yang meningkat 51 peratus dan jualan premium biasa yang mengukuh sebanyak 22 peratus.

Beliau turut memuji langkah kerajaan kerana mengehal pasti industri insurans sebagai salah satu bidang penting yang akan me-

nyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan menyediakan faedah istimewa dan insentif bertujuan untuk mempromosikan perancangan kewangan di kalangan rakyat Malaysia.

"Apa yang boleh mendrong pertumbuhan besar ialah pelepasan cukai perseorangan sebanyak RM6,000 yang kini diberikan kepada insurans hayat," ujarnya.